

NO SOALAN :402

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
(LANGKAWI)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan dapat campur tangan dalam penentuan premium insurans kenderaan berikutan pelaksanaan polisi baru, pohon agar pihak insurans tidak menaikkan kadar premium yang terlalu tinggi, terutamanya premium insurans teksi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, liberalisasi insurans kenderaan motor adalah lanjutan daripada Rangka Kerja Motor Baharu yang dilaksanakan bermula Januari 2012, yang mana di bawah rangka kerja ini, penyelarasan premium insurans kenderaan motor telah pun

dilakukan secara berperingkat pada jumlah yang kecil sehingga tahun 2015.

Di samping penyelarasan premium, inisiatif-inisiatif untuk membendung pembayaran pampasan yang didorong oleh penipuan tuntutan dan juga penambahbaikan infrastruktur bagi manfaat pengguna juga telah diperkenalkan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Kementerian Kesihatan dan Kehakiman. Ini termasuklah penubuhan pusat panggilan setempat untuk menyediakan bantuan segera.

Oleh itu, polisi liberalisasi adalah bertujuan untuk memastikan pengguna mendapat akses kepada pelbagai jenis perlindungan motor secara adil berdasarkan profil risiko masing-masing secara mampan.

Justeru, fasa pertama liberalisasi ini telah diperkenalkan pada 1 Julai 2016. Di bawah fasa permulaan ini, industri insurans dan takaful dibenarkan untuk menawarkan produk motor baharu yang tidak diperuntukkan di bawah tarif yang sedia ada, pada harga yang ditentukan oleh pasaran dan tertakluk kepada kelulusan Bank Negara Malaysia (BNM). Bagi memastikan pelaksanaan liberalisasi secara teratur dan beransur-ansur, produk motor sedia ada terus ditawarkan

oleh penanggung insurans bersekali dengan pengendali takaful bagi kemudahan pengguna yang sudah biasa membeli produk-produk berkenaan.

Di bawah fasa kedua yang baharu bermula sejak 1 Julai 2017, liberalisasi kadar premium produk yang menyediakan perlindungan Komprehensif dan perlindungan Pihak Ketiga bersama dengan perlindungan kerugian akibat daripada kebakaran dan kecurian telah dilaksanakan, yang mana penanggung insurans masing-masing dibenarkan menentukan kadar premium yang berpadanan dengan faktor risiko yang lebih luas daripada yang sedia ada. Hal ini termasuklah ciri-ciri keselamatan kenderaan, tempoh kenderaan dipandu di jalan raya dan lokasi kenderaan diparkir.

Walau bagaimanapun, kemajuan liberalisasi akan dikaji semula pada tahun 2019 dan penilaian terhadap kesan langkah-langkah ini terhadap pengguna serta tahap ketersediaan industri insurans akan dibuat sebelum melangkah ke peringkat liberalisasi yang seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Di antara manfaat liberalisasi Tarif Motor secara berperingkat ini

adalah seperti berikut :

- i) Penentuan kadar premium yang lebih adil dapat dilaksanakan berdasarkan perlindungan yang diperlukan pengguna;
- ii) Dapat menyelaraskan subsidi bersilang (*cross-subsidies*) yang ketara pada masa ini, yang mana sesetengah pemegang polisi membayar premium yang lebih mahal daripada yang sepatutnya untuk menyokong pemandu dan kenderaan yang berisiko tinggi;
- iii) Dapat menggalakkan amalan pengurusan risiko yang lebih baik di kalangan pengeluar kenderaan dan pengguna termasuk memupuk kesedaran yang lebih mendalam tentang keselamatan jalan raya dan hasil daripada perubahan tingkah laku ini boleh menyumbang kepada pengurangan kes kemalangan dan kecurian secara keseluruhan;
- iv) Dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik serta penawaran produk motor yang lebih berinovatif kepada pengguna akibat persaingan antara penanggung-penanggung insurans; dan
- v) Pengguna berpeluang untuk membeli produk-produk baharu yang tidak ditawarkan di bawah tarif seperti insurans telematik yang mengambil kira tahap penggunaan kenderaan dan tabiat pemanduan (*driving habit*). Sementara itu, penggunaan alat-alat yang dapat mengurangkan risiko kecurian juga akan diberi diskaun premium. Pemegang polisi juga boleh memilih untuk

menginsuranskan hanya *peril* mereka yang terdedah kepada bencana seperti banjir dan bukannya *peril* yang seragam (*standard*) di bawah tarif. Oleh itu, mereka mempunyai lebih kawalan ke atas kadar premium yang dibayar.

Sementara itu, memandangkan produk Motor Pihak Ketiga adalah perlindungan asas (*basic cover*), kadar premium produk Motor Pihak Ketiga akan terus tertakluk pada kadar tarif dengan pelarasan premium yang kecil dan beransur-ansur untuk mencapai tahap premium berpatutan bagi menangani kerugian tuntutan yang dialami oleh produk ini. Ini termasuk kenderaan pengangkutan awam seperti teksi, yang mana lebih 70 peratus daripada kenderaan-kenderaan ini dilindungi di bawah produk Motor Pihak Ketiga. Pendekatan yang berperingkat ini adalah penting bagi mengelakkan kenaikan premium yang mendadak dan seterusnya menjejaskan rakyat.

Memandangkan setiap penanggung insurans mempunyai cara masing-masing untuk menentukan profil risiko pemegang polisi, harga produk motor yang diliberalisasi akan berbeza daripada satu penanggung insurans kepada penanggung insurans yang lain. Pengguna digalakkan membuat perbandingan produk daripada segi kadar premium dan skop perlindungan bagi mendapatkan pilihan

produk terbaik dan yang bersesuaian dengan keperluan masing-masing.

Oleh sebab itu, industri insurans telah menyediakan kaedah '*product selector*', iaitu kaedah yang dapat memudahkan orang ramai untuk memilih produk insurans motor yang ditawarkan oleh penanggung insurans. Selain itu, sesetengah penanggung insurans juga menyediakan khidmat pembelian insurans atas talian untuk kemudahan orang ramai.

Justeru, bagi memastikan pelarasan kadar premium motor tidak membebankan pengguna, pihak BNM telah menyediakan langkah-langkah di mana penanggung insurans perlu mendapatkan kelulusan BNM jika penyelarasan kadar premium yang ingin dilaksanakan adalah melebihi daripada tahap lingkungan yang ditetapkan oleh BNM, selain disokong oleh justifikasi yang kukuh. Pengawalan tadbir urus produk yang teguh (*robust*) memastikan penanggung insurans mengamalkan disiplin yang tertinggi dalam menentukan penetapan harga produk masing-masing.

SOALAN (403)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

SOALAN :-

YB. Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah ada perancangan Kementerian bagi membina sebuah balai bomba di kawasan Padang Matsirat, Pulau Langkawi pada tahun hadapan (2018).

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memohon projek Balai Bomba dan Penyelamat di kawasan Padang Matsirat dalam RMKe-11 *Rolling Plan* 3 Tahun 2018. Pada masa kini, kawasan Padang Matsirat mendapat perkhidmatan kebombaan dari Balai Bomba dan Penyelamat Langkawi dan Balai Bomba dan Penyelamat Kuah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' IR NAWAWI BIN AHMAD

SOALAN : NO. 404

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah program-program atau tindakan pihak Kementerian untuk membantu para lepasan universiti bagi meningkatkan peluang mendapat pekerjaan di dalam sektor awam atau swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan graduan di institusi pendidikan tinggi (IPT) kompetitif untuk bersaing dalam memenuhi kehendak pasaran. Beberapa langkah telah diperkenalkan dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan, antaranya memperkenalkan:

(a) Pelaksanaan Program Kebolehpasaran Graduan [*Graduate Employability (GE)*] untuk meningkatkan nilai tambah graduan dari aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah untuk membantu graduan memperoleh pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan serta bersesuaian dengan keperluan industri;

(b) Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) yang menilai kebolehan pelajar dalam bidang keusahawanan, kemampuan pengurusan, kemahiran sosial dan juga berkomunikasi;

(c) Program 2u2i yang merupakan program *work based learning* (belajar sambil bekerja) di mana pelajar berada 2 tahun di universiti dan 2 tahun di industri. Program 2u2i merupakan salah satu agenda *redesigning higher education* di mana usaha meningkatkan kebolehpasaran, ketersediaan dan kemahiran graduan melibatkan penggembengan tenaga lingkaran empat pihak (quadruple helix) iaitu pihak kerajaan, pihak universiti, pihak komuniti dan pihak industri;

(d) Program CEO@Fakulti yang melibatkan penyertaan tokoh-tokoh korporat yang berwibawa daripada syarikat berkaitan Kerajaan, industri-industri terkemuka dan Pegawai Tinggi Perkhidmatan Awam untuk menyampaikan syarahan berkaitan perkongsian pengalaman dan kepakaran dalam bidang masing-masing, antaranya melibatkan CEO daripada Exxon & Mobil, Maybank, CIMB, Khazanah dan lain-lain;

(e) Program Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) yang bertujuan meningkatkan lagi kolaborasi di antara IPT dengan industri melalui pembangunan kurikulum, latihan industri dan pendedahan industri kepada pelajar dan tenaga pengajar IPT. Contoh yang jelas ialah Samsung Malaysia bekerjasama dengan Universiti Teknikal Melaka dengan menubuhkan Samsung 'Internet of Things' (IoT) Academy;

(f) Program Keusahawanan dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) di mana pelajar-pelajar digalakkan untuk menjana pekerjaan (job creator), bukan hanya mencari pekerjaan (job seeker);

(g) Pelaksanaan *Gap Year* merupakan program pilihan dan bukan paksaan di mana pelajar boleh meninggalkan pengajian formal bagi tempoh satu tahun kalendar akademik untuk terlibat dalam program seperti program sukarelawan atau perkhidmatan komuniti;

(h) Program pensyarah sebagai *practitioner* di mana menjelang tahun 2023 menyasarkan penglibatan 50 peratus pensyarah dari pengamal industri di Malaysian Technical University Network (MTUN) dan 30 peratus *practitioner* selaku pensyarah IPT;

(i) Program Dwi Ijazah (multi-disciplinary) di mana pelajar-pelajar didedahkan kepada dua atau lebih bidang bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran pelajar. Contohnya program Dwi Ijazah di Universiti Sains Islam Malaysia; dan

(j) Dalam memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan graduan, program Cambridge Accessible Tests (CATs) diperkenalkan bagi menilai kebolehan membaca, menulis, mendengar dan bertutur mengguna pakai Common European Framework of Reference for Languages (CEFR) sebagai piawaian penilaian penguasaan Bahasa Inggeris, kolaborasi dengan Cambridge Malaysian Education Development Trust (CEMDT).

Langkah-langkah ini akan membantu pelajar meningkatkan penguasaan kemahiran insaniah, pengetahuan dan memberi nilai tambah sebelum bekerja serta mempunyai keyakinan untuk menceburi bidang keusahawanan.

SOALAN NO: 405

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
KAWASAN : LANGKAWI

SOALAN:

YB. DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk membina jaringan jalan-jalan baru di Pulau Langkawi memandangkan sudah melebihi 15 tahun tidak terdapat pembinaan jalan-jalan baru di pulau ini, sedangkan peningkatan penggunaan kenderaan di jalan raya pulau ini meningkat dengan ketara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kerajaan tiada perancangan untuk membina jalan baru dan menaiktaraf rangkaian Jalan Persekutuan di Pulau Langkawi berdasarkan Laporan Highway Network Development (HNDP) Fasa 1.

Walaupun bagaimanapun, terdapat satu projek yang masih dalam pelaksanaan di bawah Kementerian ini iaitu Projek Pembinaan Jalan Dari Kuala Temoyong ke Teluk Baru dan Pantai Tengah, Langkawi, Kedah. Status semasa projek ini adalah di peringkat perolehan di mana pihak LADA telah menghantar permohonan kos tambahan kepada Kementerian Kewangan pada 2hb Mei 2017 dan masih menunggu kelulusan.

Sekian. Terima kasih.